

01 DEC 1999

P/raja-Akademik (Analisis)

DUA TOKOH AKADEMIK MENANG KERUSI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Beberapa tokoh dan kakitangan akademik dan pensyarah institusi pengajian tinggi telah membuat impak dan memberi saingan kuat dalam pilihan raya umum ke-10 Isnin lepas.

Sesetengah calon dari golongan ini, sama ada yang mewakili Barisan Nasional (BN) atau pembangkang, juga menyumbangkan majoriti yang besar kepada kemenangan parti masing-masing.

Bagaimanapun tidak semua ahli akademik dapat menggunakan kepakaran mereka dalam memberi kuliah untuk bersaing dalam pilihan raya, sehingga ada yang "tersungkur" kepada lawan masing-masing.

Seorang daripada calon golongan itu yang berjaya ialah Prof Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir yang menang bagi kerusi Parlimen Sungai Petani dengan majoriti 12,133.

Beliau memperolehi 31,875 undi bagi menewaskan Johari Abdul, calon Keadilan yang memperolehi 19,742 undi.

Mahadzir, pensyarah Jabatan Sejarah serta Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (UM) sebenarnya bukanlah orang asing dalam dunia politik tempatan.

Pendapat dan analisisnya mengenai perkembangan politik semasa sering dijadikan sumber laporan media terutamanya bagi isu-isu berkaitan politik bangsa Melayu.

Kekalahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman kepada Profesor Emeritus Shahnnon Ahmad bagi kerusi Parlimen Sik juga boleh dianggap antara "kejutan" besar pada pilihan raya kali ini.

Sasterawan Negara yang juga bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang itu membuat kejutan apabila menjadikan Abdul Hamid sebagai menteri kabinet pertama yang tewas semasa keputusan pilihan raya itu diumumkan.

Shahnnon menang dengan majoriti 478 undi setelah mendapat 13,504 undi manakala Dr Abdul Hamid 13,026 undi.

Pada pilihan raya umum 1995, Dr Abdul Hamid, 60, mempertahankan kerusi Sik dengan majoriti 2,134 undi setelah menewaskan calon PAS Haji Ali Din.

Shahnnon, 65, anak kelahiran Sik dan anggota seumur hidup PAS, pula terkenal akhir-akhir ini dengan novel kontroversinya "Shit".

Beliau berpendapat kemenangannya pada penampilan pertama sebagai calon dalam pilihan raya itu merupakan satu proses kepadanya untuk melakukan sesuatu bagi penduduk daerah itu.

"Kemenangan bukan matlamat utama tetapi dapat melakukan sesuatu adalah yang paling utama," kata Shahnnon, yang menambah kata bahawa beliau tidak mementingkan jumlah majoriti yang diperolehinya.

Berlainan pula halnya dengan seorang lagi tokoh akademik, Dr Chandra Muzaffar, yang baru menceburi politik secara aktif apabila dilantik sebagai Timbalan Presiden Keadilan.

Bekas pensyarah UM itu tewas kepada penyandang kerusi Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Tan Chai Ho dengan majoriti 1,244 undi, jumlah yang jauh lebih kecil berbanding yang diperolehi Tan pada pilihan raya 1995.

Kali ini Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu memperolehi 22,273 undi manakala Chandra 21,049 undi.

Seorang lagi bekas pensyarah UM Prof Madya Mohd Noor Deris gagal merampas kerusi Parlimen Pengkalan Chepa daripada PAS apabila tewas kepada calon parti itu dengan majoriti 15,945 undi.

Mohd Noor hanya memperolehi 7,820 berbanding 23,765 undi yang diperolehi calon PAS Mohd Amar Abdullah.

Bagaimanapun ura-ura PAS untuk menggunakan seorang lagi tokoh akademik dan agama, Prof Datuk Dr Haron Din untuk mendapatkan kerusi bagi parti itu tidak menjadi kenyataan. Haron tidak hadir pada hari penamaan calon.

Bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu sebelum itu pernah dicanangkan akan menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen Kubang Pasu serta Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambun Tulang.

Persaingan sengit antara calon yang berlatarkan pengalaman dalam bidang akademik terserlah bukan sahaja bagi kerusi parlimen tetapi juga untuk kerusi dewan undangan negeri (DUN).

Bekas Timbalan Pengarah Akademi Pengajian Islam UM Prof Datuk Dr Mahfodz Mohamed yang bertanding atas tiket PAS di DUN Batu Tiga, Selangor, terpaksa akur kepada kehebatan calon BN Salamon Selamat dengan majoriti 1,773 undi.

Salamon, anggota Parlimen Shah Alam penggal lalu, memperolehi 10,967 undi manakala Mahfodz sebanyak 9,194 undi.

Bagi DUN Jitra, Kedah pula Prof Othman Ishak, bekas rektor Insaniah, sebuah pusat pengajian tinggi Islam di Kedah, berjaya mempertahankan kerusi BN kawasan itu setelah menewaskan calon PAS Mat Nayan Saad dengan majoriti 4,234 undi.

Anggota DUN Jitra sebelum ini ialah bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff.

Calon BN bagi kerusi DUN Simpang Empat, Zahari Bakar pula hanya menang tipis ke atas bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Che Rosli Che Mat.

Dr Che Rosli yang bertanding atas tiket PAS memperolehi 2,336 undi, kurang 248 undi berbanding Zahari.

-- BERNAMA

RZS NMO